

Terapkan nilai mendidik

PADA hemat saya, secara realiti penuntut bukan semakin tidak peduli pada peraturan, cuma jika dinilai semula, kadangkala ia tidak mengikut fitrah insani yang menyebabkan mereka tidak bersetuju dan mengabaikannya. Cuma harus diakui masih ada yang langsung tidak cakna tentang peraturan.

Pertama perlu jelas, peraturan universiti atau IPT perlu sebagai satu panduan dan didikan untuk mahasiswa. Tapi persoalannya, sejauh mana peraturan tu berjaya mendidik. Lihat saja realiti akhlak mahasiswa zaman kini.

Mungkin disebabkan penetapan peraturan yang dilihat kurang relevan pada mahasiswa, pelaksanaan yang kurang berkesan. Sama ada menggunakan kaedah memaksa atau mendidik. Melalui didikan akan lahir kesedaran untuk bina sahsiah diri.

Sebagai contoh, etika pemakaian lelaki yang sangat ditekankan, tetapi apabila siswi berpakaian tidak patuh syariat tidak diberi penekanan. Ia adalah satu cabaran dalam melaksanakan peraturan yang bukan menyentuh permukaan masalah sahaja tapi dapat membina akhlak melaluinya.

Ia bukan kerana peraturan



semata-mata, tetapi suka saya tekankan kesedaran pihak universiti dalam menjadikan kebajikan mahasiswa kecaknaan bersama. Kesedaran mengambil berat pandangan mahasiswa.

Kepada mahasiswa pula, ayuh bersama-sama kita lebih cakna dengan

peraturan universiti dan membantu pihak universiti dalam memperkasa nilai murni dan membina sahsiah bukan sahaja berfokus kepada mahasiswa semata, tetapi seluruh masyarakat kampus. Insya-Allah.

Harapan saya untuk sama-sama kita nilai semula. Selaras dengan tema Usim, integrasi aqli naqli, saya menyeru pihak universiti sendiri perlu menilai sejauh mana kesesuaian sesuatu peraturan, penerimaan mahasiswa, pelaksanaan peraturan yang mendidik dan dalam masa sama tidak menyekat perkembangan idealistik mahasiswa.

Akhir kata, ayuh kita singkap bagaimana Islam menerapkan nilai mendidik dalam peraturan kepada ummah dan sama-sama mendapat manfaatnya.

**NURUL ATIKAH MOHAMMAD SHAFII
TYDP MPP USIM 2015**